

Excel Matematik SPM
Tingkatan 5 Bab 3
Insurans
Penyelesaian Lengkap

Praktis Formatif 3.1

1 Faktor-faktor yang diambil kira dalam menentukan premium insurans hayat ialah umur, jantina, pekerjaan, kesihatan, tempoh lindungan dan jenis polisi

2 (a) Kos rawatan bagi kaki kanan penunggang motosikal, kos membaiki motosikal dan kos membaiki kereta Encik Sim

(b) Kos rawatan bagi kaki kanan penunggang motosikal dan kos membaiki motosikal sahaja

3 Insurans pendidikan merupakan sejenis insurans endowmen. Di samping memberi perlindungan, polisi ini membolehkan ibu bapa menabung untuk pendidikan tinggi anak-anak mereka. Jika berlaku kematian ibu bapa, bayaran akan terus dibuat kepada anak-anak tersebut untuk membiayai kos pendidikan tinggi mereka tanpa perlu membayar baki premium polisi tersebut.

4 (a) Pada umur 55 tahun, bilangan tahun polisi ialah 25. Maka, nilai polisi ialah RM143 319.50

(b) Pada umur 60 tahun, bilangan tahun polisi ialah 30. Maka, jumlah wang yang diterima oleh waris
 $= \text{RM}250\,000 + \text{RM}212\,902.10$
 $= \text{RM}462\,902.10$

(c) RM125 000

5 Deduktibel ialah jumlah yang dibayar oleh pemegang polisi sebelum syarikat insurans mula membayar manakala ko-insurans ialah perkongsian bagi baki bayaran antara pemegang polisi dan syarikat insurans (dalam peratus).

Encik Subramaniam harus membayar
 $\text{RM}5\,000$ pertama dan $\frac{20}{100}(20\,000 - 5\,000)$
 $= \text{RM}3\,000$. Maka, Encik Subramaniam harus membayar RM8 000.

6 (a) Jumlah insurans yang harus dibeli
 $= \frac{80}{100} \times 450\,000 = \text{RM}360\,000$

(b) (i) Jumlah pampasan
 $= \text{RM}50\,000 - \text{RM}5\,000$
 $= \text{RM}45\,000$

(ii) Jumlah pampasan
 $= \frac{200\,000}{360\,000} \times 50\,000 - 5\,000$
 $= 27\,777.78 - 5\,000$
 $= \text{RM}22\,777.78$

Penalti ko-insurans
 $= 50\,000 - \frac{200\,000}{360\,000} \times 50\,000$
 $= 50\,000 - 27\,777.78$
 $= \text{RM}22\,222.22$

(c) Jumlah pampasan
 $= 250\,000 - 5\,000$
 $= \text{RM}245\,000$

7 (a) Berdasarkan jadual, kadar premium ialah RM2.36

Premium setahun
 $= \frac{200\,000}{1\,000} \times 2.36$
 $= \text{RM}472.00$

(b) Perlindungan polisi penyakit kritikal

$= \frac{30}{100} \times 200\,000$
 $= \text{RM}60\,000$

Premium tambahan
 $= \frac{60\,000}{1000} \times 1.77$
 $= \text{RM}106.20$

Praktis Sumatif 3

Soalan Objektif

1 Insurans hayat tidak tertakluk kepada prinsip indemniti
Jawapan: B

2 Polisi insurans yang tidak termasuk dalam prinsip indemniti ialah insurans hayat.
Jawapan: D

3 Peratusan maksimum diskaun tanpa tututan ialah 55%.
Jawapan: C

- 4 Prinsip bahawa insurans bukan alat untuk mendapatkan keuntungan ialah prinsip indemniti.

Jawapan: B

- 5 Syarikat insurans dapat membayar pampasan yang besar nilainya sungguhpun premium yang dipungut sedikit. Prinsip yang berkaitan ialah prinsip pengumpulan risiko.

Jawapan: A

- 6 Seseorang individu yang ingin membeli insurans hayat harus memberi maklumat yang tepat dalam borang cadangan. Prinsip yang berkaitan ialah prinsip percaya penuh mutlak.

Jawapan: C

Soalan Struktur

- 1 (i) Seseorang individu yang memiliki kereta menghadapi risiko akibat kemalangan dan kecurian. Melalui perlindungan insurans, individu berkenaan dapat mengurangkan kerugian yang dialami jika risiko tersebut berlaku.

- (ii) Seseorang ketua keluarga mempunyai tanggungjawab terhadap isteri dan anak-anaknya. Ketua keluarga menghadapi risiko seperti kematian dan hilang upaya. Jika risiko ini berlaku secara tiba-tiba, isteri dan anak-anaknya akan kehilangan tempat bergantung. Dengan adanya insurans, ahli-ahli keluarga akan menerima pampasan daripada syarikat insurans. Mereka dapat meneruskan kehidupan melalui wang pampasan itu.

- 2 Risiko yang dihadapi oleh para pemegang polisi dikumpulkan dan disebarikan antara mereka supaya risiko yang dihadapi dapat diminimumkan. Premium yang dibayar oleh pemegang polisi merupakan satu caruman ke dalam tabung umum yang akan diuruskan oleh syarikat insurans dengan membuat pelaburan yang menguntungkan supaya dana akan bertambah. Berdasarkan analisis statistik aktuaris, daripada sebilangan besar pemegang polisi yang menghadapi risiko yang sama, hanya sebilangan kecil daripada mereka yang akan mengalami kerugian dan membuat tuntutan daripada syarikat insurans dengan keadaan pampasan diambil daripada tabung umum itu.